



Malaysia Competition Commission

PENGENALAN TIPUAN BIDA DI BAWAH AKTA PERSAINGAN 2010

SKOP AKTA PERSAINGAN 2010



Terpakai bagi apa-apa aktiviti komersil di dalam dan di luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam apa-apa pasaran Malaysia

LARANGAN UTAMA DALAM AKTA PERSAINGAN 2010



**AMALAN
ANTIPERSAINGAN**

**PERJANJIAN
ANTIPERSAINGAN
(Sek. 4)**

**PENYALAHGUNAAN
KEDUDUKAN
DOMINAN
(Sek. 10)**

PERJANJIAN ANTIPERSAINGAN

Seksyen 4, Akta Persaingan 2010: Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang

Seksyen 4(1) – Suatu *perjanjian mendatar atau menegak* antara *perusahaan* adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan *menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan* dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

PERJANJIAN ANTIPERSAINGAN

Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 :

Seksyen 4(2) – Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendarat antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—

- (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
- (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
- (c) membataskan atau mengawal—
 - i. pengeluaran;
 - ii. saluran keluaran pasaran atau capaian pasaran;
 - iii. pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - iv. pelaburan; atau
- (d) **melakukan tipuan bida,**

adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Perjanjian?

- Apa-apa bentuk kontrak, perkiraan atau persefahaman, sama ada boleh atau tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang, antara perusahaan, dan termasuklah suatu keputusan oleh suatu persatuan dan amalan bersepadu.



Perusahaan?


- Apa-apa entiti yang menjalankan aktiviti komersil yang berhubungan dengan barangan atau perkhidmatan.



Apakah “Bidaan”?

- Bidaan adalah proses persaingan untuk mencapai nilai yang terbaik dalam aktiviti tender.
- Bidaan boleh dijalankan dalam beberapa cara seperti bidaan terbuka, bidaan tertutup dan sebagainya.





Apa-apa perjanjian
(bertulis atau lisan)
antara pembida yang
boleh menghalang
atau menyekat
persaingan dalam
aktiviti tender

**Apakah
itu
'Tipuan
Bida'?**

*Pembida berpakat
sesama sendiri secara
rahsia dalam
menentukan
pemenang dan juga
harga tender*

Perjanjian tersebut
juga berkemungkinan
boleh melibatkan
pembida yang
berpotensi tetapi
hakikatnya tidak
menghantar bida

Tipuan Bida = Larangan Teruk?




Di bawah Akta Persaingan 2010, tipuan bida adalah dianggap sebagai larangan yang teruk.



Seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010 menyifatkan jenis-jenis perjanjian tersebut mempunyai matlamat atau kesan secara signifikan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan.



Ini bermaksud bahawa MyCC tidak perlu menunjukkan perjanjian tersebut mempunyai kesan anti-persaingan



KESAN-KESAN TIPUAN BIDA



Jangka Panjang

- Perusahaan tidak perlu lagi bersaing sesama sendiri
- Industri dan perusahaan menjadi tidak cekap
- Kualiti produk tidak berkadar dengan kos
- Penggunaan wang pungutan cukai yang tidak cekap



Jangka Pendek

- Harga kontrak kekal tinggi. Agensi tender terpaksa membayar kos-kos yang tidak sepatutnya.
- Halangan kepada pengagihan sumber yang cekap

JENIS-JENIS TIPUAN BIDA

**BIDA
TERSELINDUNG**

**BIDAAN YANG
MENINDAS**

**PENARIKAN
BALIK BIDA**

**BIDAAN
SECARA
GILIRAN**

**BIDA TIDAK
MEMATUHI**



JENIS-JENIS TIPUAN BIDA

BIDAAN TERSELINDUNG

- Pembida-pembida bersekongkol bagi menyerahkan secara sengaja harga bida yang lebih tinggi daripada harga yang diserahkan oleh pembida yang telah ditetapkan untuk mendapatkan tender tersebut

BIDAAN YANG MENINDAS

- Semua pihak yang berpakat tidak membida dan ia membenarkan satu pihak yang telah ditentukan terlebih dahulu memenangi sesuatu tender.

PENARIKAN BALIK BIDA

- Pembida-pembida yang bersekongkol menarik balik bida mereka secara sengaja pada penghujung tempoh bida, meniggalkan pembida terpilih untuk memenangi bida tersebut

BIDAAN SECARA GILIRAN

- Pembida mangambil giliran bagi menyerahkan sesuatu harga tender yang paling kompetitif, atau harga yang paling rendah (dan akhirnya memenangi kontrak tersebut).

BIDAAN TIDAK MEMATUHI

- Pembida yang bersekongkol secara sengaja menyerahkan bida yang tidak mengikut terma dan syarat yang ditentukan di dalam tender.

ANGGARAN PERINGKAT PEROLEHAN AWAM DI ASIA

INDIA:

sehingga 30% daripada
KDNK

FILIPINA:

sehingga 29% of
daripada bajet negara

SINGAPURA:

4% daripada KDNK

MALAYSIA :

sehingga 25% daripada
KDNK

INDONESIA:

sehingga 30% daripada
bajet negara

Sumber : OECD

Fikirkan Tipuan bida boleh terjadi di man-mana negara dan di dalam mana-mana pasaran

Tipuan bida meningkatkan harga barang dan perkhidmatan secara signifikan sehingga 25% atau lebih

Perolehan awam lazimnya merangkumi kira-kira 10-25% daripada KDNK di kebanyakan negara.


Potensi pembaziran wang pembayar cukai boleh menjadi signifikan



TIPUAN BIDA— SELURUH DUNIA



KES-KES TIPUAN BIDA



KES 1: PestBusters di Singapura

INDUSTRI: Kawalan serangga perosak

PERUSAHAAN: a) AardwolfPestkare (S) Pte Ltd; b) Alliance Pest Management Pte Ltd; c) Elite Pest Management Pte Ltd; d) Killem Pest Pte Ltd; e) PestBusters Pte Ltd; and f) Rentokil Initial (S) Pte Ltd.

JENIS TIPUAN BIDA: Harga terselindung

PENALTI: S\$260,000

KES 2: Paip Pra-Penebat atau Peralatan Suis Ditebat Gas Eropah

JENIS TIPUAN BIDA: Bidaan secara giliran

Kes yang diputuskan oleh European Commission dan ia melibatkan satu katrtel seluruh Eropah dimana pihak yang berpakat terlibat dalam penggiliran bida dan pembidaan palsu.

Pengusaha-pengusaha berpakat menyerahkan harga yang lebih tinggi bagi melindungi syarikat yang terpilih memenangi tender tersebut.

PENALTI MyCC

Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran larangan Akta Persaingan 2010


- Menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta.
- Menyatakan langkah-langkah yang dikehendaki supaya perusahaan tersebut menghentikan pelanggaran itu.
- Boleh mengenakan penalty kewangan:

MAKSIMUM 10 % DARIPADA PUSING GANTI

SELURUH DUNIA



USAHA MyCC DALAM MENNETANG TIPUAN BIDA



THE STAR ONLINE

Mifb The 15th Malaysian International Food & Beverage Trade Fair
19-21 June 2014
Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

NEWS BUSINESS SPORT TECH LIFESTYLE

Business News Market Watch Market Events Investing SME Property News

Business News

Home > Business > Business News

Published: Monday July 22, 2013 MYT 12:00:00 AM
Updated: Monday July 22, 2013 MYT 6:36:41 AM

Zero tolerance for bid rigging

A+ A- Email g+ Share 1 Facebook 0 Tweet 0

THE MyCC has made it clear that bid rigging will be a priority area for enforcement in 2013.

Bid rigging is recognised around the world as one of the most serious breaches of competition law and, as a result, is often a key focus area for competition authorities. This article will explain the meaning of bid rigging and why it is harmful to competition. It will also provide some guidance on what to look out for if you suspect

1 Cover pricing - where Bidder A shares its proposed bid price so that Bidder B can price higher to ensure that Bidder A wins the contract.

1 Bid suppression - where Bidder A agrees to suppress his bid (either by not bidding or withdrawing his bid) so that Bidder B can win the contract.

1 Bid rotation - where Bidder A and Bidder B both bid but take it in turns to submit the lowest priced bid to win the contract.

1 Bid withdrawal - Bidder A withdraws its bid to leave Bidder B as the only bidder.

1 Non-conforming bids - Where a bidder deliberately submits a bid that does not comply with the specifications of the tender requirements.

USAHA MyCC DALAM MENENTANG TIPUAN BIDA

BAGAIMANA MEMBASMI TIPUAN BIDA SECARA BERKESAN

- Peranan agensi persaingan
 - ✓ Undang-undang dan peraturan persaingan yang berkesan
 - ✓ Rejim kelonggaran yang berkesan
 - ✓ Prosedur penguatkuasaan yang berkesan
 - ✓ Hukuman yang berkesan
- Peranan jabatan/agensi perolehan
 - ✓ Meningkatkan kesedaran kepada pegawai-pegawai perolehan dan pembida-pembida terhadap risiko tipuan bida (contoh : garis panduan atau senarai semak)

USAHA MYCC DALAM MENENTANG TIPUAN BIDA

- Melancarkan buku garis panduan “**BANTU KAMI KENAL PASTI TIPUAN BIDA**”
- Buku garis panduan ini berfungsi sebagai salah satu bahan rujukan bagi sektor awam ataupun swasta berkenaan tipuan bida
- Ia juga menerangkan jenis-jenis tipuan bida, tanda-tanda wujudnya tipuan bida, dan cara-cara untuk mengurangkan risiko tipuan bida
- Adalah penting semua pihak bekerjasama dengan MyCC untuk mengurangkan seterusnya membasmi aktiviti tipuan bida di Malaysia.



HELP US
DETECT
BID RIGGING

Malaysia Competition Commission

www.mycc.gov.my

KESIMPULAN

Menyedari kepentingan perolehan kerajaan, Kerajaan Malaysia hakikatnya mengiktiraf kepentingannya dan berusaha untuk memperbaiki amalannya.

Salah satu tugas MyCC adalah untuk melengkapkan usaha Kerajaan dalam memperbaiki proses perolehan dengan membasmikan amalan antipersaingan terutama tipuan bida

Justeru, kerjasama antara perolehan kerajaan dan MyCC adalah penting dalam merealisasikan usaha kerajaan menjadikan proses perolehan dan persaingan secara adil.

THANK YOU



www.mycc.gov.my